

# UiTM

# mesti jadi institusi terbaik

BH 25 AUG 2002

KUALA LUMPUR: Kerajaan itu memberi komitmen sepenuhnya bagi menawarkan pendidikan tinggi dan kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk kemudahan dan infrastruktur canggih, khususnya di kalangan Bumiputera, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri, berkata komitmen itu mencerminkan kesedaran kerajaan ke arah kemajuan dan pembangunan negara berlandaskan pelaburan dalam bidang pendidikan demi mewujudkan tenaga pekerja mahir, terlatih dan boleh diharap untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya mahu Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi pemangkin dan penunjang terhadap pencapaian identiti masyarakat Melayu dan sekali gus dibanggakan.

"Kerajaan sudah menunjukkan komitmennya untuk membangunkan UiTM. Apakah pula komitmen warga kampus UiTM terutama pensyarah, pentadbir dan siswa terhadap mewujudkan sebuah Institut Pengajian Tinggi (IPT) di rantau ini.

"Oleh itu, jadikan UiTM yang terulung dan terbaik di persada pendidikan dan penyelidikan di peringkat antarabangsa. Ini kerana UiTM adalah lambang ketrampilan Bumiputera dan kebanggaan rakyat Malaysia," katanya ketika berucap merasmikan pameran Penyelidikan dan Kepakaran UiTM 'Insights 2002', di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo. Hadir sama Timbalan Naib Canselor UiTM, Datuk Prof Dr Ibrahim Abu Shah.

Abdullah yakin UiTM akan wujud, mara ke hadapan menjadi sebuah universiti dikagumi seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini yang melihat IPT tempatan mendapat pengiktirafan dunia, mencapai status terkenal seperti Havard, Yale, Cornell, Cambridge dan Oxford.